

DBKL batal lesen niaga penjaja jika serah pada warga asing - Anwar

HAZIRAH HALIM

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim

menegaskan mana-mana penjaja yang didapati memberikan lesen perniagaan kepada warga asing akan dibatalkan dan diserahkan kepada pihak lain oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Beliau berkata langkah tersebut diambil bagi memastikan peraturan tersebut dipatuhi supaya ia boleh memberi manfaat kepada peniaga tempatan.

“Saya minta penguatkuasaan ditingkatkan terhadap gerai-gerai yang mendapat kelulusan niaga supaya mereka mengikut peraturan dan lesen tersebut diberikan kepada warga tempatan.

“Saya tegaskan sekali lagi, lesen yang diberikan kepada peniaga tempatan mesti digunakan oleh orang tempatan, kalau didapati diberikan kepada warga asing, kita batalkan dan serahkan kepada orang lain,” kata beliau ketika berucap pada Majlis Pelancaran Program



ANWAR beramah mesra dengan komuniti India di D'Medan Selera Madani Kompleks Tun Sambanthan, Brickfields.

Lestari Niaga@Kuala Lumpur di D'Medan Selera Madani Kompleks Tun Sambanthan, Brickfields baru-baru ini.

Pada program tersebut, Anwar turut mengumumkan peruntukan tambahan RM10 juta bagi menaik taraf gerai dan warung di seluruh

Kuala Lumpur.

Lestari Niaga@Kuala Lumpur yang merupakan inisiatif Kerajaan Madani dalam menaik taraf dan mengindahkan fasiliti gerai-gerai peniaga kecil dan penjaja sedia ada di Wilayah Persekutuan menjadi lebih kondusif dan selesa.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh berkata DBKL akan melaksanakan kerja-kerja pengindahan di dua lokasi iaitu D'Medan Selera Madani, Kompleks Tun Sambanthan dan Kedai Bunga Little India, Brickfields yang melibatkan sejumlah 71 peniaga.

“Kerja-kerja pengindahan yang dilaksanakan termasuk pengindahan fasad, penambahbaikan bumbung, kerja-kerja mengecat semula bangunan dan mengecat mural, penggantian kipas dan lampu yang baru, penggantian paip-paip air dan pemasangan papan tanda,” kata beliau.

Ujar Kamarulzaman, inisiatif ini menunjukkan keseriusan kerajaan dalam menerapkan Gagasan Malaysia Madani kepada semua lapisan masyarakat.

“DBKL akan terus berusaha menyediakan kemudahan awam yang selesa, bersih dan diharapkan dapat memperkasa serta meningkatkan pendapatan peniaga seterusnya menyumbang

kepada pertumbuhan sosioekonomi negara,” jelas beliau.

Kamarulzaman berkata terdapat enam pusat penjaja dan gerai milik DBKL di kawasan Brickfields iaitu di Kompleks Tun Sambanthan, Medan Selera Tempat Letak Brickfields, Kedai Bunga Little India, Kedai Burung Little India, Little India Seri Kota dan kedai bunga di Jalan Scott.

“Terdapat sejumlah 80 lesen premis persendirian di kawasan Little India, Brickfields di mana daripada jumlah tersebut 56 peratus iaitu 45 premis perniagaan diusahakan oleh kaum India.

“Di Kompleks Tun Sambanthan ini, 88 peratus bersamaan 47 unit adalah dimiliki oleh kaum India. Begitu juga di lima kawasan yang lain majoritinya dimiliki oleh kaum India,” ujar beliau.